KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	TNB			

TNB bantu tingkatkan kebolehpasaran kerja

Inisiatif beri latihan semula kurangkan kadar pengangguran negara

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil inisiatif memberikan latihan semula kepada individu yang hilang pekerjaan serta siswazah, dalam usaha membantu negara berdepan kemerosotan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Syarikat utiliti itu telah memainkan peranan dalam Pelan Pemulihan Negara bagi mengurangkan kadar pengangguran negara yang meningkat kepada 768,700 individu atau pada kadar 4.8 peratus setakat Jun lalu.

Menerusi pelaksanaan program TNB Reskilling dan TNB Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (Protege), berjaya meningkat dan mempelbagaikan kemahiran siswazah serta individu, khususnya yang dibuang kerja akibat COVID-19, sekali gus memudahkan mereka mendapat pekerjaan baharu.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin, memaklumkan sejumlah RM43 juta diperuntukkan dalam program TNB Reskilling bagi melatih semula 17,500 individu menerusi TNB Integrated Learning Solution Sdn Bhd (ILSAS), sehingga 2024.

TNB Reskilling menawarkan latihan dalam lima bidang utama iaitu Sistem Fotovoltaik Bersambung Grid; Pemasangan Meter Pintar; Juruelektrik Operasi dan Senggaraan Sistem Kuasa; Senggaraan Kemudahan Elektrik Voltan Sederhana dan Senggaraan Kemudahan Elektrik Voltan Rendah.

Beliau berkata, sejak program itu bermula pada Oktober tahun lalu, ILSAS berjaya melatih dan membuat padanan pekerjaan seramai 2,376 individu di 268 syarikat dalam industri.

"Inisiatif ini dijangka mampu menyumbang peningkatan sehingga enam peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui kesan berganda dalam ekonomi yang nilainya boleh mencapai sehingga RM82 bilion dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang," katanya pada majlis perasmian TNB Reskilling dan TNB Protege di ILSAS, Bangi, dekat sini, baru-baru ini.

Bagi TNB Protege, Hasan memaklumkan, seramai 5,477 individu sudah dilatih sejak 2011 dengan peruntukan berjumlah RM143 juta.

"Ini telah meningkatkan kebolehpasaran graduan muda, dan terbukti apabila seramai 2,633 pelatih sudah mendapat pekerjaan dalam masa enam bulan selepas tamat latihan," katanya.

Sementara itu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, dalam ucapan perasmiannya menyifatkan program TNB Reskilling dan TNB Protege sebagai usaha murni dalam membantu kerajaan meringankan beban rakyat akibat krisis pengangguran nasional, sekali gus menyokong pemulihan ekonomi negara.

Katanya, ini penting dan sejajar usaha kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi individu yang hilang pekerjaan akibat pandemik, mencari pekerjaan baharu dan yang menamatkan pengajian serta baru memasuki pasaran pekerjaan.

"Bagi pihak kerajaan dan kementerian saya mengalu-alukan komitmen TNB melaksanakan kedua-dua program ini dengan peruntukan agak besar untuk menyuntik dan memangkin pemulihan ekonomi negara.

"Sumbangan pelatih reskilling dan protege kepada kegiatan ekonomi kelak, sudah tentu memberi kesan postif kepada KDNK negara, lebih-lebih lagi tumpuan latihan semula ini adalah kepada industri tenaga yang antara pemangkin pertumbuhan ekonomi negara," katanya.



Hasan (kanan) bersama Takiyuddin (dua dari kanan); Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din dan Pengarah Urusan ILSAS, Siti Sarah Johana Mohd Said selepas majlis perasmian TNB Reskilling dan TNB Protege di ILSAS, Bangi, baru-baru ini. (Foto Azhar Ramli/BH)

> Inisiatif ini dijangka mampu menyumbang peningkatan sehingga enam peratus kepada KDNK melalui kesan berganda dalam ekonomi yang nilainya boleh mencapai sehingga RM82 bilion dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang
>
> ***Hasan Arifin,*** *Pengerusi TNB*

> Sumbangan pelatih reskilling dan protege kepada kegiatan ekonomi kelak, sudah tentu memberi kesan postif kepada KDNK negara
>
> ***Takiyuddin Hassan,*** *Menteri Tenaga dan Sumber Asli*

Timba kemahiran baharu, produktiviti meningkat

Kuala Lumpur: Program TNB Reskilling dan TNB Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (Protege) memberikan peluang menimba kemahiran baharu dan membantu mempertingkatkan produktiviti.

Juruteknik syarikat telekomunikasi Grass2Route Sdn Bhd, Muhammad Syahrul Amir Mat Sarih, 26, yang menyertai program TNB Reskilling, mengakui mempelajari pelbagai kemahiran baharu, khususnya berkaitan pemasangan solar.

Katanya, sebelum menjalani latihan itu, tugasnya di syarikat tertumpu kepada pemasangan peralatan di menara telekomunikasi, namun penyertaannya dalam TNB Reskilling selama 10 hari pada Mac lalu melatihnya melakukan pemasangan grid solar dan meningkatkan kemahiran pemasangan di tempat tinggi.

"Latihan ini bersesuaian dengan perancangan syarikat untuk melebarkan sayap perniagaan pemasangan solar," katanya yang diberi kenaikan gaji RM300 oleh majikan selepas menyertai program itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pembangunan Sumber Manusia Grass2Route Sdn Bhd, Mohd Khairil Othman, berpuas hati dengan latihan diberikan kepada dua pekerjanya yang menyertai program berkenaan.

Pasca menjalani latihan TNB, beliau dapat menyaksikan peningkatan dari segi hasil kerja, kemahiran dan produktiviti pekerjanya, sekali gus berhasrat menghantar lagi pekerjanya menyertai program itu.

"Kami juga berhasrat mengambil individu yang dilatih dalam program TNB Reskilling untuk bekerja dengan kami pada masa depan," katanya memaklumkan tiada sebarang kos dikeluarkan syarikatnya untuk menyertai program itu.

Bagi peserta TNB Protege, Anis Amira Othman, 26, berkata program diikuti bermula September tahun lalu hingga Mac tahun ini, telah mempersiapkan dirinya untuk memasuki alam pekerjaan dan memadankannya dengan majikannya ketika ini.

Graduan Universiti Utara Malaysia ini, kini berkhidmat sebagai pegawai perhubungan awam di Permodalan Nasional Berhad (PNB).

"Saya dilatih di Jabatan Komunikasi Korporat TNB dan seminggu sebelum tamat, saya diterima bekerja di PNB.

"Latihan diikuti membantu saya mempelbagaikan kebolehan dengan kemahiran yang diperlukan dalam industri," katanya.



> Latihan ini bersesuaian dengan perancangan syarikat untuk melebarkan sayap perniagaan pemasangan solar
>
> ***Muhammad Syahrul Amir Mat Sarih,*** *Juruteknik Grass2Route Sdn Bhd*

> Latihan diikuti membantu saya mempelbagaikan kebolehan dengan kemahiran yang diperlukan dalam industri
>
> ***Anis Amira Othman,*** *Peserta TNB Protege*

